

Lim Lian Geok Jiwa Budaya Cina Malaysia: Perwatakan Menurut Perspektif Dramaturgikal Goffman

*Lim Lian Geok Soul Of The Malaysian Chinese:
Character According To Goffman's Dramaturgical Perspective*

Chin Tek Yoong*
Institut Kajian Etnik (KITA)
Universiti Kebangsaan Malaysia

Nur Atiqah Tang Abdullah
Institut Kajian Etnik (KITA)
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Artikel ini meninjau perwatakan Lim Lian Geok (林连玉 Lin Lian Yu, 1901-1985) sebagai seorang pejuang pendidikan bahasa ibunda Cina. Kemuncak bantahan Lim terhadap polisi pendidikan pascakemerdekaan menyebabkan hak kewarganegaraan Lim dilucutkan dan tauliah mengajar ditarik balik. Lim tidak tunduk mengalah sehinggakan Lim dinobatkan sebagai 'Jiwa Budaya Cina Malaysia'. Namun begitu, pengiktirafan terhadap perwatakan Lim nyata terbatas dalam kalangan anggota masyarakat etnik Cina. Tidak ramai anggota masyarakat etnik lain mengiktiraf sumbangan Lim, melainkan mereka mengikuti perkembangan semasa isu pendidikan bahasa ibunda Cina. Sehubungan itu kajian ini meninjau keupayaan Lim menampilkan dirinya dalam perjuangan bahasa ibunda dalam perspektif Dramaturgikal Goffman, berasaskan penelitian kepustakaan dengan meneliti bahan rujukan dalam bentuk jurnal, buku, dan artikel. Hasil kajian mendapati Lim berjaya 'melakonkan' perwatakannya dalam masyarakat etnik Cina tetapi telah gagal 'melakonkan' perwatakannya dalam masyarakat selain etnik Cina. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat percanggahan pandangan antara Lim dengan kerajaan. Tuntutan Lim menemui kegagalan kerana kerajaan melalui sistem pendidikan aliran perdana yang mendukung aspirasi nasional perlu lebih mengutamakan kepentingan nasional secara keseluruhan. Kajian ini dapat menyimpulkan kemunculan pejuang pendidikan bahasa ibunda Cina yang tidak pernah patah semangat menuntut hak pendidikan bahasa ibunda.

Kata kunci: bahasa ibunda; bahasa rasmi; Dong Jiao Zong; Lim Lian Geok; masyarakat etnik Cina

ABSTRACT

This article examines the character of Lim Lian Geok (林连玉 Lin Lian Yu, 1901-1985) as a Chinese mother tongue education fighter. The culmination of Lim's protest against the post-



independence education policy has led to Lim's citizenship rights to be deprived by the government. Lim did not give up until Lim was named the Soul of the Malaysian Chinese. However, recognition of Lim's character is limited to members of the Chinese ethnic community. Not many members of the other ethnic communities recognise Lim's contribution unless they keep up with the Chinese mother tongue education issue. This study examines Lim's ability to present himself according to Goffman's dramaturgical perspective based on reference materials in the form of journals, books, and articles. The results show that Lim succeeded in "acting" his character in the Chinese ethnic community but failed to "act" his character in the other communities besides the Chinese ethnic group. The findings show that there is a conflict of view between Lim and the government. Lim's demands have failed because the government, through the mainstream education system that supports national aspirations, needs to prioritise national interests as a whole. This study can conclude the emergence of Chinese language education fighters who have never been discouraged in demanding the right to education.

Keywords: mother tongue; official language; Dong Jiao Zong; Lim Lian Geok; Chinese ethnic community

PENGENALAN

Akar Penanti Bayu

keberadaan di dalam tanah,
puak akar yang menanti arus bayu,
nenek moyang bagai satu putaran yang melingkari,
kesan calar,
kayu-kayan terputah,
telahpun luput dalam tanah sebagai pelindung akar,
nadi dalam tanah,
salur darah pada akar dirancarkan,
dengan pesanan nenek moyang:
“Jangan pandang rendah pada diri!”

~ Nukilan: Xiao Man (Sajak terjemahan pengkaji daripada bahasa Cina ke bahasa Melayu dalam *Sinorama*. Vol. 30. No. 6, June 2005:2-3).

Begitulah nukilan sajak yang menggambarkan kedatangan imigran Cina menaiki kapal jong mendarat ke Tanah Melayu. Kedatangan golongan imigran ini pada pertengahan abad ke-19, mereka telah menunjukkan kesungguhan mempertahankan bahasa ibunda, mewariskan bahasa ibunda kepada generasi berikutnya yang disampaikan oleh penyajak tempatan. Pendidikan bahasa ibunda Cina yang bertapak di Malaysia mempunyai sejarah perkembangan yang cukup panjang (Kua 1985; Tan 1997). Sistem pendidikan ini kaya dengan asal usul sejarah perkembangannya dan dikatakan sangat lengkap selain pendidikan yang berorientasikan bahasa Cina yang diamalkan di benua Asia Timur seperti Tanah Besar China, Taiwan, dan Hong Kong. Masyarakat etnik Cina di Malaysia yang terdidik dalam pendidikan bahasa ibunda Cina dikatakan golongan etnik yang berjaya mempertahankan sistem persekolahan ini. Boleh dikatakan sistem persekolahan pendidikan bahasa ibunda Cina ini tidak wujud secara tiba-tiba tanpa kisah perjuangan di sebaliknya.

Golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda Cina yang berbekalkan semangat tidak mudah mengalah telah bangkit menawarkan tenaga fizikal mahupun sumber kewangan mengembangkan dan mempertahankan kelangsungan kewujudan sekolah Cina ini supaya anak-anak Cina dapat menerima pendidikan bahasa ibunda dan mengekalkan identiti yang bertunjangkan budaya Cina melalui pendidikan jenis sekolah ini. Perjuangan aktivis pendidikan bahasa ibunda Cina di barisan hadapan, telah menyumbangkan segala tenaga atas nama melangsungkan kewujudan sistem persekolahan Cina supaya kebudayaan Cina dan maruah identiti etnik Cina dapat

dipertahankan. Golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda Cina ini hidup pada zaman yang benar-benar menguji kekentalan mental mereka, hal ini disebabkan polisi pendidikan yang diperkenalkan oleh kerajaan penjajah dikatakan ‘tidak mesra’ pendidikan bahasa ibunda Cina dan persaingan tuntutan hak pendidikan bahasa ibunda daripada kumpulan etnik lain telah menyukarkan lagi perkembangan pendidikan bahasa ibunda Cina.

Pada hakikatnya, dasar pendidikan negara sebagai alat menyatupadukan murid dan pelajar sekolah yang berbilang etnik, budaya dan kepercayaan agama, sudah pasti sistem pendidikan disandarkan harapan memupuk perpaduan dan persefahaman dalam kalangan murid dan pelajar. Namun demikian, menurut Tan (2005: 47, 57-60), bahasa memperlihatkan ikatan yang begitu kukuh dengan sentimen etnik, hal ini ada asas kebenarannya kerana setiap etnik memiliki ciri-ciri keetnikan yang menonjol. Tuntutan golongan majoriti etnik Melayu dan golongan etnik minoriti Cina dalam isu bahasa dan pendidikan, terutamanya dalam usaha mereka menuntut supaya kedudukan bahasa dan pendidikan masing-masing dimantapkan melalui proses penggubalan dasar bahasa dan dasar pendidikan. Maka, kita dapat menyaksikan tuntutan kedua-dua golongan berkisar pada isu dasar keseragaman bahasa pengantar berteraskan bahasa golongan majoriti untuk memupuk perpaduan, dan isu dasar kepelbagaian bahasa pengantar berteraskan bahasa golongan minoriti untuk mempertahankan bahasa, budaya, dan identiti etnik. Kerajaan selaku penggubal dasar dihipit dilema yang merunsingkan ini terpaksa mengambil pendekatan akomodatif sebagai jalan tengah, iaitu bahasa pengantar diseragamkan mulai peringkat pendidikan menengah aliran perdana, dan bahasa ibunda golongan etnik minoriti dibenarkan setakat pada sekolah vernakular peringkat pendidikan rendah. Dalam konteks sedemikian, ada benarnya hujah menurut Santhiram (1997), golongan minoriti membuat pilihan sama ada memilih ‘cara hidup’, iaitu pemerolehan ilmu melalui bahasa pengantar ibunda atau ‘peluang hidup’, iaitu pemerolehan ilmu melalui bahasa pengantar majoriti sementara bahasa ibunda diajar sebagai salah satu subjek dalam kurikulum sekolah.

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Kajian tentang Lim Lian Geok agak terbatas, kajian tentang kelemahan perjuangan Lim masih tidak banyak dilakukan. Selain itu, tidak banyak kajian dari perspektif pembinaan negara (*nation building*) yang mengupas cita-cita Lim Lian Geok yang menginginkan kerajaan mengamalkan dasar pendidikan yang adil dan saksama terhadap semua pendidikan bahasa ibunda, iaitu selain bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan, bahasa-bahasa ibunda etnik lain turut dijadikan bahasa rasmi. Kebanyakan kajian berfokus pada ketokohan Lim Lian Geok, sumbangan, pemikiran dan falsafah perjuangan Lim Lian Geok. Kajian yang seumpama dilakukan oleh golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda Cina dan penyelidik berketurunan Cina, hasil kajian yang berkiblatkan kewibawaan Lim sebagai ‘roh dan nyawa’ etnik Cina disampaikan dalam bahasa Cina yang sukar menarik minat pembaca etnik lain supaya lebih mengenali Lim.

Setakat artikel jurnal ini diterbitkan, pengkaji masih belum menemui sebarang penulisan ilmiah yang cuba menganalisis ketokohan Lim Lian Geok berdasarkan kerangka teori dalam mana-mana disiplin ilmu. Rata-rata artikel yang sudah diterbitkan kebanyakannya dalam bentuk rencana popular yang ditulis oleh penulis keturunan bangsa Cina dalam bahasa Cina, bilangan artikel yang bercirikan ilmiah dalam versi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris

agak terbatas. Antara skop rencana dan jurnal artikel yang telah dihasilkan terbahagi kepada kategori berikut: (1) falsafah pemikiran dan keperibadian Lim Lian Geok, (2) perjuangan Lim Lian Geok sebagai Bapa Pendidikan Bahasa Ibunda Cina di Malaysia, (3) tinjauan karya-karya sastera Lim Lian Geok, (4) memoir peribadi Lim Lian Geok, dan (5) perbandingan pemikiran Lim Lian Geok dengan tokoh-tokoh pendidikan, kesusasteraan dan bahasa di tanah air seperti Aminuddin Baki, Usman Awang, dan Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba). Adalah suatu kekurangan jika bilangan karya ilmiah tentang Lim Lian Geok dalam versi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris terbatas. Kekurangan ini sudah pasti menyebabkan pembaca yang tidak memahami bahasa Cina tidak berkesempatan mendalami ketokohan Lim Lian Geok dengan lebih mendalam.

Kebanyakan kajian tentang Lim berkisar pada perwatakan dan keperibadiannya, sejajar dengan identiti Lim dinobatkan sebagai 'Jiwa Budaya Cina Malaysia'. Antaranya, Lee (2016) telah meninjau keperibadian Lim selepas waktu pengajaran di sekolah, kajian Lee menonjolkan bakat Lim seorang yang suka berkarya pada masa lapang. Hou (2003: 55-56, 66-67, 69,75) telah menyusur galur perjuangan Lim dan telah membandingkan fahaman dan pemikiran Lim dengan pemimpin MCA yang berketurunan Cina Peranakan, iaitu Tan Cheng Lock dan Tan Siew Sin. Menurut Hou (2003), Tan Cheng Lock memiliki ciri-ciri pemimpin yang serba kebolehan dan disegani anggota masyarakat. Tan berpendapat bahawa masyarakat etnik Cina memperjuangkan nasib pendidikan bahasa ibunda sesuatu yang munasabah, akan tetapi Tan mengambil langkah berjaga-jaga ketika berpolitik. Kefasihan Tan berbahasa Inggeris dan pandai bersosialisasi dengan pemimpin UMNO pada ketika itu membolehkan Tan memenangi hati masyarakat etnik Melayu. Manakala Lim hanya dapat berbahasa Cina, tidak mampu berbahasa Melayu mahupun bahasa Inggeris menyebabkan pengaruhnya terbatas dalam masyarakat etnik Cina. Lim yang tidak mengenal putus asa turut mengundang ketidakpuasan dan kritikan daripada Tan Siew Sin, Leong Yew Koh dan Tunku Abdul Rahman. Perselisihan faham timbul antara Lim dengan pemimpin MCA menunjukkan latar belakang pendidikan dan amalan budaya yang berbeza memberi kesan terhadap pegangan prinsip dan fahaman seseorang.

Ching (2015) dan Mak (2016) masing-masing meninjau falsafah pemikiran Lim di sepanjang perjuangan Lim dalam pendidikan bahasa ibunda. Ho (2015) cuba meninjau sumbangan Lim terhadap politik etnik Cina pada zaman 50-an. Zaman hujung 50-an memperlihatkan kemerdekaan Tanah Melayu, kerajaan berusaha menyusun semula sistem pendidikan. Phoon (2015) membincangkan percanggahan pendapat antara Leong Yew Koh dengan Lim Lian Geok tentang sistem pendidikan yang memberi kesan kepada perkembangan pendidikan bahasa ibunda. Tan (2015), Tee (2015) dan Chong (2015) turut membandingkan ketokohan Lim Lian Geok dengan tokoh pendidikan seperti Aminuddin Baki, pendeta Za'ba dan tokoh aktivis pejuang nasib golongan minoriti, Hj Sulong al-Fatani di Patani, negara Thai.

Kajian-kajian yang telah dilakukan tidak terlepas daripada perspektif lingkungan etnik yang sempit dan rata-rata memberi pengiktirafan positif terhadap perjuangan Lim serta mengangkat setinggi-tingginya ketokohan Lim yang berjuang atas kepentingan etnik. Perbincangan selama ini terbatas pada jasa Lim dalam sepanjang hayatnya menuntut layanan saksama terhadap status bahasa Cina dan pendidikan bahasa ibunda Cina. Tindakan agresifnya ini telah mengundang akibat penarikan semula permit mengajar dan pelucutan hak kewarganegaraan terhadapnya. Namun, Yen (2008) mendedahkan kajian yang lebih menyeluruh tentang perjuangan Lim Lian Geok, cita-cita, cabaran dan tamparan yang dihadapi Lim Lian Geok dalam bahasa Inggeris kepada lapisan masyarakat umum yang lebih luas supaya golongan pembaca yang disasarkan dapat mengenali kisah perjuangan Lim yang lebih menyeluruh.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan. Penulisan artikel jurnal ini memerlukan sumber maklumat bercetak yang berkaitan dengan perkembangan pendidikan bahasa ibunda Cina dan kisah perjuangan Lim Lian Geok mempertahankan nasib pendidikan bahasa ibunda Cina. Sumber maklumat yang bersesuaian dan relevan dengan tajuk artikel jurnal terdiri daripada dokumen rasmi, dokumen-dokumen golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda Cina dan pertubuhan Cina dalam bentuk memorandum tuntutan, minit mesyuarat persatuan Cina, kenyataan media, dan memoir pejuang pendidikan bahasa ibunda Cina telah diteliti untuk menjadi sumber rujukan. Pengkaji juga telah meneliti sumber maklumat yang terdiri daripada bahan-bahan cetakan yang diterbitkan berkenaan dengan perjuangan Lim Lian Geok dalam bentuk siaran surat khabar, majalah, rencana, dan buku ilmiah yang diterbitkan dalam ketiga-tiga bahasa utama, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris, dan bahasa Cina untuk mengelakkan pandangan bias ketika menyampaikan hujah-hujah dalam artikel jurnal ini.

KERANGKA TEORI

Sebelum Erving Goffman mencipta namanya sebagai sarjana yang memperkenalkan perspektif dramaturgikal, lebih awal lagi William Shakespeare (1564-1616) dalam skrip dramanya telah mengibaratkan manusia sebagai pelakon dalam pentas hidup seperti ditunjukkan di bawah :


*“All the world’s a stage,
And all the men and women merely players;
They have their exits and their entrances,
And one man in his time plays many parts, His acts being seven ages...”*
– Jaques in *As You Like It*, Act II, Scene VII, Line 139. (Poets.org., 2021, Jun 15).

Goffman (1922-1982) telah menerbitkan karya ilmiahnya pada 1956, *“The Presentation of Self in Everyday Life”*. Goffman dalam karyanya mengibaratkan interaksi sosial sesama manusia dalam kehidupan seharian sebagai suatu lakonan yang dipertunjukkan di atas pentas. Seseorang pelakon yang melakonkan watak-watak tertentu dapat membezakan seseorang pelakon dengan pelakon yang lain. Lakonan ini dipersembahkan oleh pelakon kepada penonton yang terdiri daripada khalayak ramai, dan pelakon tersebut cuba menguruskan persepsi yang timbul daripada penonton terhadap pelakon tersebut. Dalam usaha pelakon menguruskan persepsi yang timbul di sebalik pertunjukan diri, ia telah menjadi asas bagi penonton (orang ramai) cuba memahami tingkah laku seseorang pelakon (individu) tersebut. Seperti yang hujah yang terdapat dalam karyanya, Goffman (1959: 1) mengatakan bahawa apabila seseorang individu menampilkan dirinya di hadapan orang ramai, pada kebiasaannya orang ramai akan mentafsir gerak-geri individu tersebut. Informasi yang diperoleh daripada tafsiran itu membantu orang ramai memahami situasi, dan membolehkan orang ramai memahami apa yang diinginkan oleh individu tersebut terhadap orang ramai, dan apa yang diharapkan oleh orang ramai terhadap individu tersebut.

Hujah-hujah Goffman disokong oleh Ma’rof Redzuan (2001: 61) bahawa konsep pengenalan diri digunakan oleh ahli psikologi sosial untuk menggambarkan tindakan seseorang individu mempengaruhi persepsi orang lain terhadapnya. Pengenalan diri melibatkan usaha

individu memperkenalkan dirinya kepada orang lain supaya individu tersebut diterima. Saban hari, individu berusaha memperkenalkan identiti dirinya kepada orang lain yang ditemui supaya matlamat di sebalik tindakan tersebut tercapai. Hubung kait antara interaksi individu dengan orang lain dapat digambarkan dalam Rajah 1:


Rajah 1: Perkenalan Kendiri dan Persepsi



Sumber: Ma'rof Redzuan (2001: 61)

Kalau Rajah 1 diubahsuaikan, maka Lim Lian Geok memperkenalkan identitinya kepada masyarakat etnik Cina dapat ditunjukkan dalam Rajah 2:

Rajah 2: Perkenalan Kendiri dan Persepsi Oleh Lim Lian Geok




Sumber: Diubahsuaikan daripada Ma'rof Redzuan (2001: 61)

Menurut Ma'rof Redzuan (2001: 64), identiti yang ingin ditunjukkan oleh seseorang kepada orang lain akan melalui proses perundingan tentang apakah identiti sebenar yang ingin

ditunjukkan. Jika proses perundingan berjaya menandakan identiti seseorang itu diterima, begitu juga sebaliknya seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3:


Rajah 3: Proses Perundingan ke Atas Identiti yang Didakwa



Sumber: Ma'rof Redzuan (2001: 64)

Lim Lian Geok yang cuba mendedahkan identitinya kepada masyarakat etnik Cina dan masyarakat etnik bukan Cina telah melalui proses perundingan yang menentukan kejayaan atau kegagalan usaha memperkenalkan identitinya. Kejayaan atau kegagalan dalam proses perundingan mengakibatkan tindakan susulan diambil oleh Lim seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4:

Rajah 4: Proses Perundingan ke Atas Identiti yang Didakwa Oleh Lim Lian Geok



Sumber: Diubahsuaikan daripada Ma'rof Redzuan (2001: 64)

Ma'rof Redzuan (2001: 61-62) bersetuju dengan hujah Goffman bahawa dalam kehidupan sehari-hari, kehidupan manusia diibaratkan sebagai lakonan. Individu dikatakan sebagai pelakon yang melakonkan watak-watak kepada penonton, kehidupan manusia seperti berada di atas pentas lakonan. Jadi, berbalik pada pandangan Goffman, sekolah Cina umpama sebuah pentas dalam dunia pendidikan bahasa ibunda Cina, Lim Lian Geok dan golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda Cina sebagai pelakon memainkan peranan masing-masing memperjuangkan nasib pendidikan bahasa ibunda supaya maruah bangsa dipertahankan. Menurut golongan yang giat mempertahankan pendidikan bahasa ibunda, seseorang berbangsa

Cina patut tahu akan asal usul bangsa sendiri, akar budaya bangsa sendiri dan tahu bertutur dan menulis dalam bahasa ibunda sendiri. Ketidakfasihan dalam pertuturan bahasa ibunda atau langsung tidak memahami bahasa ibunda sendiri dianggap perbuatan yang memalukan bangsa itu sendiri. Hal ini demikian kerana bahasa sebagai akar budaya bangsa, tanpa bahasa budaya bangsa akan tergoyang dan lenyap begitu sahaja menjadi generasi yang tidak bermaruah. Minda dan orientasi masyarakat etnik Cina ini menepati kata-kata hikmah Lim Lian Geok yang dipetik seperti berikut:

“Budaya kita jiwa bangsa kita...Orang Cina perlu membaca bahan bacaan dalam bahasa Cina, dan mengerti tulisan Cina...Sekolah Cina ialah kubu pertahanan budaya Cina...” (LLG Cultural Development Centre, 4 Jun 2010)

PENJELASAN KONSEP-KONSEP DRAMATURGIKAL GOFFMAN

Menurut Goffman (1959: 22), pentas hadapan merupakan bahagian individu sebagai pelakon yang sedang melakonkan wataknya. Goffman mengatakan:

“That part of individual's performance which regularly functions in a general and fixed fashion to define the situation for those who observe the performance. Front, then, is the expressive equipment of a standard kind intentionally or unwittingly employed by the individual during his performance.” (Goffman, 1959: 22)

Penjelasan Goffman menandakan bahawa seseorang pelakon akan cuba sedaya upaya mempersembahkan perwatakannya melalui imej yang disampaikan supaya perwatakannya diterima. Lim Lian Geok dinobatkan sebagai ‘Jiwa Budaya Cina’ oleh masyarakat etnik Cina, pentas hadapan beliau ialah sekolah-sekolah Cina yang memainkan peranan sebagai kubu kebudayaan Cina yang perlu dipertahankan. Keadaan ini seperti yang dikatakan Goffman (1959: 22) bahawa manusia sebagai pelakon:

“We are all just actors trying to control and manage our public image. We act based on how others might see us.” (Goffman, 1959: 22)

Goffman turut mengatakan tempat yang bertentangan dengan pentas hadapan merupakan pentas belakang yang menjadi zon seseorang pelakon merehatkan dirinya dan melakukan apa-apa sahaja yang disukainya. Goffman (1959: 112-113) mentakrifkan pentas belakang sebagai:

“A back region or backstage may be defined as a place, relative to a given performance, where the impression fostered by the performance is knowingly contradicted as a matter of course...In general, of course, the back region will be the place where the performer can reliably expect that no member of the audience will intrude.” (Goffman, 1959: 112-113)

Tempat ini sebagai zon yang berada di luar pandangan masyarakat umum. Segala pertuturan dan pergerakan tidak terikat dengan norma sosial dan individu tersebut berasa selesa kerana keperibadiannya tidak terdedah kepada pengetahuan orang ramai. Umpamanya, Lim

berpakaian biasa dan gaya kehidupan serba ringkas semata-mata, kebendaan hidup tidak menjadi kejarannya, setelah sibuk mengajar anak muridnya, pada masa lapang beliau gemar bermain mahjong, bermain kad poker, menghisap rokok, berkarya, dan sebagainya. Penampilan Lim seperti digambarkan dalam catatan Hou (2003: 51), Lim tidak mementingkan penampilan diri, tidak menyikat rambutnya, berkasut kanvas tetapi tidak berstoking. Dari segi penampilan diri, penampilan Lim didapati begitu bersahaja kerana Lim tidak menyikat rambut dan tidak mencukur misai, begitulah penampilan Lim menurut memori daripada salah seorang pelajarnya, Huang Dong Wen. (Zu Hun Lin Lian Yu, 2001: 47-50).

Penonton pula Menurut Goffman merupakan sekumpulan individu perseorangan yang menyaksikan persembahan pelakon yang berasal daripada pelbagai latar belakang. Pelakon akan cuba mempengaruhi persepsi penonton terhadap perwatakannya dan persembahannya. Dengan kata lain, pelakon mengharapkan mesejnya dapat disampaikan kepada penonton secara berkesan dan Goffman (1959: 23–44) menyifatkan pendekatan ini sebagai pengurusan persepsi. Crossman (2019) yang mengulas konsep pengurusan persepsi Goffman mengatakan:

“... wherein each tries to present themselves and behave in a way that will prevent the embarrassment of themselves or others.” (Crossman, 2019)

Persepsi atau impresi yang baik menyebabkan pelakon memperoleh reaksi positif daripada penonton tentang tindakannya. Pada masa yang sama, persembahan seseorang pelakon dikatakan berjaya jika terdapat penonton yang mengiktiraf perwatakan pelakon. Dalam usaha Lim memperjuangkan nasib pendidikan bahasa ibunda di negara kita, anggota masyarakat etnik Cina yang terdidik dalam aliran pendidikan bahasa ibunda sebagai penontonnya mengiktiraf perwatakan Lim kerana beliau sering menampilkan ke hadapan memperjuangkan nasib pendidikan bahasa ibunda yang semakin terumbang-ambing. Perlu ditekankan bukan semua penonton dari masyarakat etnik Cina terdidik dalam pendidikan bahasa ibunda, ada juga yang terdidik dalam aliran sekolah Inggeris, contohnya Tan Siew Sin dan Leong Yew Koh dari parti MCA. Di samping itu, terdapat juga penonton yang bukan dari masyarakat etnik Cina yang menyaksikan persembahan Lim Lian Geok, mereka dari anggota Parti Perikatan, UMNO yang tidak mengiktiraf perwatakan Lim Lian Geok, malah beliau dilabelkan sebagai penghasut yang membantah polisi pendidikan tanah air sehinggakan tauliah mengajar beliau ditarik balik dan taraf kewarganegaraannya dilucut.

Goffman berhujah mengibaratkan interaksi sosial sebagai persembahan pentas, setiap individu dalam kehidupan seharian diumpamakan sebagai pelakon yang berlakon di pentas. Crossman (2019) mentakrifkan penonton yang menurut Goffman sebagai:

“The audience consists of other individuals who observe the role-playing and react to the performances.” (Crossman, 2019)

Jadual 1: Penerapan Unsur-unsur Dramaturgikal Goffman Dalam Perjuangan Lim Lian Geok

Hubungan Unsur Dramaturgikal Goffman Dengan Kisah Perjuangan Lim Lian Geok

Pentas Hadapan	Pendidikan bahasa ibunda Cina
Pentas Belakang	Waktu kelapangan
Penonton	Masyarakat etnik Cina dan bukan Cina
Lakonan	Peristiwa yang terlibat dan situasi yang dihadiri Lim Lian Geok
Pengurusan Persepsi / Impresi	Usaha Lim Lian Geok mempengaruhi Masyarakat etnik Cina dan bukan Cina

Sumber: Pengkaji (2020).

KETOKOHAN LIM LIAN GEOK

Menurut masyarakat etnik Cina, terutamanya golongan aktivis pendidikan Cina yang kuat menyokong dan mempertahankan pendidikan bahasa ibunda, ketokohan Lim Lian Geok (1901-1985) pasti tidak asing lagi kerana namanya sudah terpahat dalam sejarah perjuangan pendidikan bahasa ibunda etnik Cina di tanah air. Lim disanjung tinggi sebagai tokoh pendidikan bahasa ibunda menurut kaca mata masyarakat etnik Cina kerana Lim menolak sebarang penindasan dan diskriminasi terhadap pendidikan bahasa ibunda, mendukung kesamarataan hak penggunaan bahasa ibunda setiap etnik, mencadangkan penetapan bahasa ibunda setiap golongan etnik sebagai salah satu bahasa rasmi negara, menggalakkan kerjasama golongan etnik lain hidup berbilang, makmur bersama.

Menurut Tee (2015), Lim semasa dalam hayatnya menerajui pimpinan Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia. Lim selaku pengerusi lantang menyuarakan hasrat masyarakat etnik Cina bahawa:

1. Tulisan dan bahasa ibunda dalam sistem persekolahan setiap etnik patutlah digunakan, dan sistem persekolahan tersebut diserapkan dalam sistem persekolahan kebangsaan;
2. Perkembangan dan pembangunan sistem persekolahan setiap etnik secara sama rata;
3. Amalan tradisi dan kebudayaan setiap etnik dipertahankan.

Selain itu, Lim juga menekankan 10 perkara tentang kesamarataan, iaitu:

1. Pengiktirafan kepada sistem persekolahan setiap etnik dan menyerapkannya dalam sistem pendidikan kebangsaan;
2. Kesamarataan dari segi peruntukan dana kepada sistem persekolahan setiap etnik;
3. Pendapatan guru yang sama rata bagi semua sistem persekolahan setiap etnik;
4. Penugasan guru sistem persekolahan rendah dan menengah setiap etnik haruslah sama banyak;
5. Keseimbangan dari segi pembangunan dan penyediaan kelengkapan sistem persekolahan setiap etnik;
6. Kesaksamaan potensi pembangunan sistem persekolahan setiap etnik;
7. Peluang pendidikan saksama untuk kanak-kanak dan pemuda-pemudi setiap etnik;
8. Aliran vokasional dalam sistem persekolahan rendah dan menengah yang menggunakan bahasa ibunda setiap etnik haruslah diwujudkan;
9. Galakan penubuhan pendidikan persendirian supaya bilangan sekolah dan kelas bertambah;
10. Prospek kerjaya yang saksama untuk lepasan sistem persekolahan setiap etnik.

Peranan Lim tidak terbatas pada dirinya sebagai pejuang pendidikan bahasa ibunda, malah Lim juga seorang pendidik dan penulis yang aktif berkarya. Kini, sesudah 38 tahun Lim

meninggal dunia, namun jasa dan sumbangan Lim tetap dikenang oleh masyarakat etnik Cina yang mencintai pendidikan bahasa ibunda. Mereka yang berasa berhutang budi terhadap pengorbanan Lim kerana sistem persekolahan Cina yang lengkap telah dapat dipertahankan, murid dan pelajar Cina berpeluang menerima pendidikan bahasa ibunda dari sekolah rendah hingga sekolah menengah dan dikatakan menjadi etnik yang bermaruah. Adalah menjadi pegangan Masyarakat etnik Cina yang mencintai pendidikan bahasa ibunda bahawa sekolah Cina merupakan kubu pertahanan budaya Cina yang mengembangkan dan memperkukuh kebudayaan Cina melalui ciri-ciri sistem persekolahan Cina. Apabila menjelang ulang tahun pemergian Lim pada Disember tiap-tiap tahun, pasti ramai wakil dari pertubuhan Cina seluruh Malaysia membanjiri tapak kubur Lim di Tapak Perkuburan Hokkien, Kuala Lumpur. Sejak pemergian Lim buat selama-lamanya, tarikh kematian Lim telah ditetapkan sebagai sambutan Hari Pendidikan Cina (华教节 *hua jiao jie*) mulai tahun 1988, pelbagai aktiviti diadakan seperti ceramah perkembangan pendidikan bahasa ibunda, tayangan filem, pendeklamasian sajak, penyampaian anugerah tokoh pendidikan bahasa ibunda, dan sebagainya pada hari tersebut sebagai tanda penghargaan masyarakat etnik Cina terhadap Lim yang pernah berdiri di barisan hadapan mempertahankan maruah dan nasib pendidikan bahasa ibunda.

PERSOALAN KETOKOHAN LIM LIAN GEOK

Setakat manakah jasa, sumbangan dan pengorbanan Lim mendapat tempat dalam sejarah pendidikan Malaysia secara khususnya dan masyarakat etnik Cina secara amnya? Suatu persoalannya ingin dilontarkan oleh pengkaji, iaitu tentang berapa ramai dalam kalangan anggota masyarakat etnik Melayu dan India mengenali Lim Lian Geok? Paling tidak, mereka sekurang-kurangnya pernah mendengar namanya?

Pada hakikatnya, pengiktirafan jasa dan pengorbanan Lim nyata terbatas dalam kalangan anggota masyarakat etnik Cina, tidak ramai anggota masyarakat etnik Melayu dan India mengenali Lim Lian Geok, melainkan mereka mengikuti perkembangan semasa isu pendidikan bahasa ibunda Cina dan menyokong gerakan perjuangan pendidikan bahasa ibunda Cina yang diperjuangkan oleh Dong Jiao Zong. Jadi, mengapakah terdapat reaksi pandangan yang cukup berbeza dalam kalangan anggota masyarakat Cina, masyarakat Melayu dan masyarakat India terhadap perjuangan Lim? Mengapakah Lim diangkat sebagai 'Jiwa Budaya Cina Malaysia' oleh masyarakat etnik Cina sedangkan bagi masyarakat etnik Melayu dan India, Lim tidak dikenali ramai?

Pengkaji turut membincangkan percanggahan pandangan dan pendirian antara Lim Lian Geok dengan kerajaan berkenaan laporan pendidikan dan dasar pendidikan yang diimplimentasikan pada awal kemerdekaan negara terutamanya dalam Penyata Barnes, Penyata Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961. Pendidikan bahasa ibunda Cina dikatakan pernah melalui detik-detik yang penuh dengan pancaroba, setiap sekolah Cina yang bertapak di bumi Malaysia ini mempunyai sebuah kisah perjuangan yang berpanjangan. Menurut Kua (1985: 1), sistem persekolahan Cina dapat diwujudkan hanya setelah melalui pengorbanan, air peluh, air mata, motif politik yang ikhlas masyarakat etnik Cina di negara ini. Berikutan kebangkitan China sebagai kuasa besar dunia yang mampu menandingi Amerika Syarikat dari segi ekonomi, teknologi dan kuasa ketenteraan, golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda berasa syukur kerana penggunaan bahasa Cina semakin popular.

DAPATAN KAJIAN:

PENGURUSAN IMPRESI LIM LIAN GEOK BERJAYA DALAM MASYARAKAT ETNIK CINA YANG TERDIDIK DALAM ALIRAN PENDIDIKAN BAHASA IBUNDA

Masyarakat etnik Cina mengagung-agungkan Lim Lian Geok sebagai ‘Jiwa Budaya Cina Malaysia’, yang membawa maksudnya roh dan nyawa etnik Cina (*zu hun*). Sudah tentu di sebalik panggilan hormat tersebut, terdapat ciri-ciri keistimewaan yang ada pada keperibadian Lim sehinggakan dirinya diberi panggilan hormat tersebut. Perjuangan Lim mempunyai erti perjuangan dalam pendidikan bahasa ibunda etnik Cina di negara ini menurut lensa masyarakat etnik Cina. Hal ini dikatakan demikian kerana ketokohan dan usaha Lim mempengaruhi nasib pendidikan bahasa ibunda etnik Cina yang dapat disimbolikan sebagai kubu pertahanan budaya Cina Malaysia. Sebuah pepatah Cina yang berbunyi *tian shi* (天时), *di li* (地利), *ren he* (人和), bermaksud jika ingin menjayakan sesuatu misi, hendaklah berpandukan faktor masa yang sesuai, tempat yang strategik dan individu yang boleh disandarkan harapan, kesemua faktor ini menyebabkan imej ketokohan Lim Lian Geok terserlah.

Sesungguhnya Lim tidak mementingkan penampilan diri, kehidupannya serba ringkas. ‘Harta’ peribadinya berbekalkan hujahan, pen, basikal, dan matlamat terhadap pendidikan bahasa ibunda Cina. Namun reaksi Lim begitu bersahaja terhadap kritikan daripada individu perseorangan yang bermusuhan dengannya (Ho, 2015: 30-31). Apa yang menarik perhatian masyarakat etnik Cina yang terdidik dalam aliran bahasa ibunda terhadap Lim ialah sifat keberanian dan kelantangan bersuara, iaitu sebagai aktivis pendidikan yang gigih mempertahankan nasib pendidikan bahasa ibunda Cina. Perjuangannya, hujahnya, pendiriannya, sebagai reaksi terhadap perkembangan politik semasa, yang mempengaruhi jatuh bangun pendidikan bahasa ibunda Cina (Phoon, 2015: 87).

“...Beliau adalah jurucakap kepada komuniti Cina Malaya sepanjang perjuangan kemerdekaan. Beliau mengambil bahagian dalam “Mesyuarat Perundingan Melaka” bersama Tunku Abdul Rahman pada tahun 1955, untuk berunding tentang isu Perlembagaan..” (Facebook Rasmi LLG Cultural Development Centre, 13 Ogos 2020)

Naratif sedemikian menggambarkan tanggungjawab dan peranan yang dipikul oleh Lim sepanjang zaman keemasan perjuangannya. Kua Kia Soong (2010:1) menyifatkan keperibadian Lim:

“...No other Malaysian Chinese has been accorded that highest honour (Soul of the Malaysian Chinese)...” (Kua, 2010: 1)

Atas sanjungan Lim sebagai ‘Jiwa Budaya Cina Malaysia’, sudah tentu Lim berjaya melakonian perwatakannya di ‘pentas hadapan’, memperkenalkan identitinya kepada ‘penonton’, iaitu masyarakat etnik Cina yang terdidik dalam pendidikan bahasa ibunda, pada masa yang sama masyarakat etnik Cina menerima tanggapan daripada Lim, pengurusan persepsi berjaya dicapai, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2. Hal ini demikian kerana Lim dikatakan memperjuangkan nasib pendidikan bahasa ibunda yang terumbang-ambing dan menyelamatkan pendidikan bahasa ibunda Cina daripada ambang kepupusan. Nyata sekali pengiktirafan Lim sebagai ‘Jiwa Budaya Cina Malaysia’ datang daripada masyarakat etnik Cina yang memandang berat terhadap peranan bahasa Cina sebagai sebagai akar budaya bangsa, tanpa bahasa budaya bangsa akan tergoyang dan lenyap. Golongan etnik ini

menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pertuturan sehari-harian, namun kebolehan mereka menguasai bahasa lain menjadi tanda soal.

PENGURUSAN IMPRESI LIM LIAN GEOK TIDAK BERJAYA DALAM MASYARAKAT ETNIK CINA YANG TERDIDIK DALAM ALIRAN PENDIDIKAN BUKAN BAHASA IBUNDA CINA

Ketidakupayaan Lim berbahasa Melayu dan Inggeris telah membataskan usahanya menonjolkan imej perjuangan yang positif dalam masyarakat etnik Cina yang terdidik dalam pendidikan Inggeris. Tan Cheng Lock dan Lim Lian Geok berasal dari latar belakang yang berbeza, Tan Cheng Lock fasih berbahasa Inggeris, tidak tahu berbahasa Cina, pertemuannya dengan Lim perlu ada penterjemah. Tan Cheng Lock pernah menyindir Lim dengan kata-kata berikut:

“...saya hebat kerana mempelajari bahasa Inggeris, sayangnya awak tidak tahu berbahasa Inggeris, kalau tidak awak pasti menjadi seorang yang handal ...” (Lin, 1988: 80)

Pada hakikatnya, masyarakat etnik Cina boleh dibahagi-bahagikan kepada subgolongannya menurut kajian para ilmuwan seperti Yen Ching Hwang (2008:11) dalam karyanya mengatakan:

“...The change of the Chinese society was driven by both internal and external forces. The former consisted of the division and integration of the Chinese society, the rivalry and conflict of dialect and regional organizations, the division and competition between Chinese-educated and English-educated...” (Yen, 2008:11)

Mohd Ridhuan Tee (2016: 60-61) memaparkan pengkategorian orang Cina G1 dan G2 oleh Rita Sim dan F.K. Soong. Data menunjukkan bahawa terdapat kira-kira 85%-90% orang Cina menyertai persatuan Cina, terdidik dalam bahasa ibunda, dan membaca, mendengar dan menonton media Cina, manakala baki 15% orang Cina terdidik dalam pendidikan Inggeris, kebanyakan menganuti agama Kristian, Cina Peranakan, menyertai Kelab *Lions* dan *Rotary*.

Lim gagal melakonkan perwatakannya ketika berada di ‘pentas hadapan’ menghadapi ‘penonton’ berketurunan Cina tetapi terdidik dalam aliran pendidikan bukan bahasa ibunda Cina. Lim nyata terkandas dalam pengurusan persepsi kerana ‘penonton’ tidak memahami lakonannya dan tidak bersetuju dengan perwatakannya. Hal ini disebabkan oleh bukan semua anggota yang tergolong dalam masyarakat etnik Cina fasih berbahasa ibunda. Terdapat sesetengah golongan etnik Cina yang tidak fasih berbahasa ibunda malah terdapat juga yang langsung tidak tahu berbahasa ibunda. Antaranya, pemimpin parti MCA Tan Cheng Lock dan Tan Siew Sin yang berketurunan Cina Peranakan. Kebanyakan mereka menerima pendidikan bukan bahasa ibunda, tetapi mereka fasih berbahasa Inggeris dan bertutur dalam dialek tempatan. Tan Siew Sin pernah berasa kagum terhadap Lim dengan mengatakan:

“...dia tidak fasih berbahasa Inggeris, tidak pernah dijemput menghadiri majlis rasmi bersama pembesar pada hal orang ini sangat berpengaruh dalam masyarakat etnik Cina.” (Frank H. H. King dalam Hou, 2003: 70)

Seorang lagi pemimpin MCA yang pernah menyandang jawatan Menteri Kehakiman, Leong Yew Koh yang pernah bercanggah pendapat dengan Lim dalam isu pertukaran aliran sekolah menengah Cina lalu di Parlimen, menyifatkan Lim sebagai:

“...seorang Charlatan, penipu yang hanya mementingkan rezeki diri...” (Lin Liang Gong An, 1988: 42-43)

Pendakwah bebas terkenal yang berketurunan Cina dan juga ahli akademik, Mohd Ridhuan Tee Abdullah bersetuju dengan tuduhan kerajaan terhadap Lim sebagai penghasut dalam penulisannya. Ridhuan Tee berhujah:

“...Beliau (Lim) disanjung, dipuji dan dijulung serta diangkat tarafnya sebagai sebagai seorang patriot. Sedangkan kita tahu makna patriot adalah mereka yang sanggup berjuang mempertahankan tanah air meskipun nyawa adalah gadaian.” (Mohd Ridhuan Tee, 2011)

Golongan aktivis pendidikan Cina sering menyebut masyarakat etnik Cina menyokong pendidikan bahasa ibunda Cina sebagai hak asasi manusia yang tidak boleh dicabar, akan tetapi adakah mereka menyedari bahawa masyarakat etnik Cina itu sendiri terdapat golongan yang tidak tahu berbahasa Cina dan langsung tidak mengambil peduli soal hidup mati *survival* pendidikan bahasa ibunda? Inilah kesilapan yang mungkin dilakukan oleh golongan aktivis pendidikan Cina tanpa disedari.

Seawal zaman 40-an, penjajah Inggeris menyusun semula pendidikan vernakular Cina. Kandungan Laporan Barnes dan Laporan Fenn-Wu menyebabkan usaha penjajah Inggeris menyemak semula sistem pendidikan gagal kerana terdapat percanggahan dalam kedua-dua laporan tersebut. Laporan Fenn-Wu mengjustifikasikan pendidikan vernakular Cina manakala Ordinan Pelajaran 1952 tidak merestui dasar kepelbagaian bahasa dan budaya seperti yang dicadangkan dalam kandungan Laporan Fenn-Wu. Akan tetapi, Ordinan Pelajaran 1952 merestui dasar keseragaman bahasa yang disarankan dalam Laporan Barnes. Bertitik tolak daripada itu, Laporan Razak memperlihatkan percubaan Perikatan mengakomodasikan dan menyelaraskan tuntutan etnik berkenaan isu bahasa dan pendidikan untuk mencapai perpaduan dalam negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum (Tan, 2005: 69-70).

Dalam perkembangan seterusnya, terdapat suatu objektif dasar pendidikan yang bercirikan akomodatif terhadap tuntutan bahasa dan pendidikan etnik ditetapkan dalam Ordinan Pelajaran 1957. Penetapan ini sepadan dengan sikap tolak ansur yang ditunjukkan dalam penggubalan Laporan Razak. Laporan Barnes dan Ordinan Pelajaran 1952 sering dibantah oleh pejuang pendidikan bahasa ibunda etnik Cina kerana dikatakan mempunyai tipu muslihat penjajah memansuhkan pendidikan vernakular Cina. Lim Lian Geok bekerja keras menuntut bahasa Cina sebagai bahasa pengantar sekolah dan bahasa pengantar peperiksaan awam menjelang pilihan raya 1955. Suatu perjumpaan telah diadakan di kediaman Tan Cheng Lock, Melaka yang mempertemukan pemimpin MCA, Dong Jiao Zong untuk mencari jalan keluar menggubal dasar yang lebih adil terhadap pendidikan golongan etnik selepas 1955. Pejuang pendidikan bahasa ibunda yang tidak mahu bertolak ansur dalam isu bahasa pengantar juga disebabkan oleh pendirian pemimpin-pemimpin Perikatan yang tidak tentu (Tan, 2005: 72, 75-76, 78).

Menjelang 1958, Lim secara terang-terang mengkritik kerajaan bersikap berat sebelah terhadap pendidikan vernakular Cina dan menggunakan pengaruh politik untuk menyingkirkan pendidikan vernakular Cina (Jiao Zong 33 Nian Bian Ji Shi, 1987: 376). Pejuang pendidikan

bahasa ibunda menyambut baik perakuan-perakuan Laporan Razak dan Ordinan Pelajaran 1957 yang melindungi perkembangan pendidikan bahasa ibunda Cina tetapi menolak perakuan yang mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama pendidikan (Tan, 2005: 107-109).

Kemuncak bantahan Lim terhadap Laporan Rahman Talib memperlihatkan pertikaman lidah antara Lim selaku pengerusi Jiao Zong dengan Leong Yew Koh selaku wakil MCA yang menganggotai Jawatankuasa Rahman Talib. Lim yang menuduh Leong sebagai pengkhianat bangsa Cina manakala Leong menuduh Lim sebagai individu yang berfikiran sempit. Lim terus mengkritik kandungan Laporan Rahman Talib berniat menumpaskan sekolah-sekolah vernakular Cina dan kesan sampingannya lebih dahsyat daripada Ordinan Pelajaran 1952 (Tan, 2005: 115, 119).

PENGURUSAN IMPRESI LIM LIAN GEOK TIDAK BERJAYA DALAM MASYARAKAT ETNIK BUKAN CINA YANG TERDIDIK DALAM ALIRAN PENDIDIKAN INGGERIS

Kelantangan Lim memperjuangkan nasib pendidikan bahasa ibunda Cina dan mencadangkan Bahasa Cina dijadikan salah satu bahasa rasmi negara mengundang kritikan Tunku Abdul Rahman terhadapnya:

“Lim Lian Geok berjuang atas fahaman chauvinism tidak layak memperoleh hak kerakyatan Malaya...” (Lin Lian Yu Gong Min Quan An, 1989: 315)

Walaupun begitu, Lim Lian Geok pernah menyumbangkan sebuah artikel yang telahpun disiarkan dalam Utusan Melayu sempena Hari Raya 1956, yang memupuk gagasan Hidup Berbilang Makmur Bersama dalam penulisannya, Lim mengatakan:

“...bahawa Malaya adalah negeri yang didiami oleh pelbagai kaum. Setiap kaum yang terlibat dalam meneroka dan membangunkan tanah bertuah ini mempunyai sumbangan masing-masing yang wajar dihargai.” (Lim, 1956)

Kewibawaan Lim terbatas dalam kalangan masyarakat etnik Cina, golongan etnik Melayu langsung tidak mengenalinya dalam huraian Hou (2003: 56). Tak kenal maka tak cinta, perjuangan Lim dan pengorbanan beliau tidak mendapat sambutan dalam masyarakat etnik Melayu ada kena-mengena dengan ketidakfasihan Lim dalam bahasa selain bahasa Cina. Kekurangan inilah yang dikatakan membataskan keupayaan Lim mendekati masyarakat etnik bukan Cina terutamanya masyarakat Melayu pada masa itu. Kisah perjuangan Lim dapat dilihat apabila Lim berhempas-pulas memobilisasikan segala sumber yang ada seperti persatuan-persatuan Cina dan individu-individu perseorangan yang berwibawa dalam masyarakat etnik Cina setempat untuk memperjuangkan pendidikan bahasa ibunda Cina sampai titisan darah terakhir dalam hayatnya melalui tindakannya mempertahankan bahasa Cina supaya diangkat menjadi bahasa rasmi negara seperti status yang ada pada bahasa Melayu. Menurut perspektif masyarakat bukan etnik Cina, Lim dilabelkan seorang penghasut yang membantah dasar pelajaran kebangsaan yang mendaulatkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris pada ketika itu, selain mengapi-apikan perasaan rakyat membenci Yang di-Pertuan Agong sehingga boleh mendatangkan kemudaratan dalam perpaduan rakyat.

Kemuncak bantahan Lim terhadap polisi pendidikan pascakemerdekaan menyebabkan hak kewarganegaraan Lim dilucutkan dan permit mengajar ditarik balik oleh kerajaan. Pada tahun 1961, sebuah notis perlucutan hak kewarganegaraan yang bertarikh 12 Ogos telah

diterima oleh Lim. Perlucutan hak kewarganegaraan atas sebab-sebab berikut (Lin Lian Yu Gong Min Quan An, 1989: 11-12):

1. Menimbulkan kekeliruan dan putar belit terhadap dasar pelajaran kerajaan, berniat mengapi-apikan perasaan tidak puas hati terhadap Yang di-Pertuan Agong dan Kerajaan Persekutuan.
2. Melancarkan rayuan emosi yang melampaui batasan perkauman, bermakna membangkitkan kebencian dan permusuhan dalam kalangan kaum di persekutuan yang ada kemungkinan mengundang situasi kecoh.

Pada ketika itu, Lim terpaksa berundur ke 'pentas belakangnya' selama 22 tahun, iaitu mendiami sebuah rumah yang serba kekurangan, manakala kos sara hidup dibiayai oleh rakan-rakannya dan pertubuhan Cina yang ketika itu, sehingga Lim menghembuskan nafas terakhir pada tahun 1985. Pemergian Lim dihebohkan oleh media bahasa Cina, ketika kenderaan membawa keranda berisi mayat Lim mengelilingi jalan raya utama di bandar raya Kuala Lumpur menuju ke arah kawasan perkuburan, kelihatan orang ramai sudah berdiri di tepi jalan, terdapat juga beribu-ribu orang wakil pertubuhan dan parti politik menyertai perarakan mengiringi kereta keranda untuk memberi penghormatan terakhir kepada Lim (Zu Hun Lin Lian Yu, 2001: 202).

HARI PENDIDIKAN CINA DAN ANUGERAH SEMANGAT LIM LIAN GEOK

Sungguhpun Lim meninggal buat selama-lamanya, namun jasa dan sumbangan Lim tetap dikenang oleh masyarakat etnik Cina sampai bila-bila. Golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda Cina menggariskan beberapa pendirian Lim yang memperjuangkan nasib pendidikan bahasa ibunda Cina sebagai semangat perjuangan Lim Lian Geok. Semangat perjuangan ini dianggap sebagai simbol perjuangan pendidikan bahasa ibunda Cina yang berterusan supaya pendidikan bahasa ibunda Cina dapat dipertahankan dan diangkat setaraf dengan pendidikan aliran pendidikan kebangsaan. Anugerah Semangat Perjuangan Lim Lian Geok sempena Hari Pendidikan Cina (华教节 *hua jiao jie*) dianugerahkan kepada individu perseorangan, badan bukan kerajaan (NGO) atau persatuan mulai tahun 1988 atas jasa dan sumbangan penerima anugerah terhadap perjuangan pendidikan bahasa ibunda Cina. Antara asal usul Anugerah Semangat Lim Lian Geok menurut Laman Rasmi LLG Cultural Development Centre:

“Anugerah Semangat Lim Lian Geok dianjurkan bagi memperingati perjuangan Lim Lian Geok iaitu bekas Pengerusi Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong). Sepanjang hayatnya, beliau memperjuangkan hak kumpulan etnik dalam pendidikan dan kebudayaan, demi pembangunan negara dan kesamarataan pelbagai kaum di Malaysia. Beliau juga berjuang untuk mempertahankan pendidikan Bahasa Ibunda. Perjuangan tanpa gentar dan semangat untuk berkorban tanpa mempertimbangkan kepentingan diri telah menjadi model yang diteladani oleh rakyat Malaysia, khususnya di kalangan masyarakat Cina...Anugerah Semangat Lim Lian Geok juga diperkenalkan pada tahun 1988 untuk mengiktiraf individu atau organisasi yang mempertahankan pendidikan Bahasa Cina di samping mengekalkan semangat idealisme beliau.” (LLG Cultural Development Centre 2022, Ogos 1)

Berdasarkan kriteria Jawatankuasa Pemilihan Anugerah Semangat Lim Lian Geok, penerima Anugerah Semangat Lim Lian Geok ialah individu atau organisasi yang telah menjiwai watak Lim, mencontohi keperibadiannya, pegangannya dan usahanya menggembelngkan segala sumber dan tenaga memperjuangkan nasib pendidikan bahasa ibunda Cina. Berkenaan inti pati yang mendasari semangat perjuangan Lim Lian Geok, (LLG Cultural Development Centre 2022) menerusi laman <https://llgcultural.com/lim-lian-geok-spirit-award?lang=en>:

1. Berdasarkan perspektif ikatan antara negara dengan rakyat, penekanan ditumpukan pada kesaksamaan semua etnik dalam negara yang bebas penjajahan, rakyat sehati sejiwa, kehidupan bertolak-ansur, saling membantu demi hidup makmur membina negara bersama.
2. Berdasarkan perspektif mempertahankan dan memperjuangkan hak etnik terutamanya kedudukan pendidikan bahasa ibunda setiap etnik yang berpatutan, seseorang individu mestilah berani memperjuangkan nasib pendidikan bahasa ibunda dan berani berkorban, menguatkan tekad, tidak mengubah pendirian walau apa keadaan sekalipun.
3. Berdasarkan perspektif mengembangkan budaya etnik, seseorang individu mestilah tidak rakus mengejar darjat dan kedudukan, memikul tanggungjawab dan melaksanakannya bagi sebatang lilin membakar diri menerangi orang lain.
4. Berdasarkan perspektif pengorganisasian dan modus operandinya yang berkiblatkan organisasi, mementingkan orang yang berkemahiran, menyelesaikan masalah melalui rundingan semua pihak berbabit untuk memberikan sumbangan yang membina.
5. Berdasarkan perspektif keperibadian dan perihal kehidupan individu, seseorang individu tidak tidak mementingkan penampilan diri tetapi mencintai ilmu untuk memajukan diri sendiri. Individu tersebut tidak memencilkan diri tetapi berprihatin terhadap perkembangan hal ehwal semasa, menegakkan keadilan, mempertahankan keadilan sampai saat-saat terakhir dalam hayat.

IMPLIKASI PENGAJIAN ETNIK

Kajian ini dapat memperkaya korpus ilmu dengan mengisi jurang penyelidikan dalam pembangunan dan perkembangan pendidikan Bahasa ibunda Cina yang belum pernah diterokai dengan lebih mendalam dan terperinci. Melalui metodologi yang dipilih, dapat mengumpulkan sudut pandangan masyarakat etnik Cina yang terdidik dalam aliran pendidikan bahasa ibunda Cina yang gigih mempertahankan sistem persekolahan Cina sebagai kubu pertahanan budaya Cina Malaysia.

KESIMPULAN

Amat nyata Lim Lian Geok seorang aktor ‘pelakon’ yang berjaya melakonkan perwatakannya hanya dalam kalangan anggota masyarakat etnik Cina yang terdidik dalam aliran pendidikan bahasa ibunda Cina menurut perspektif Dramaturgikal Goffman. Sebaliknya, Lim tidak dikenali ramai dalam kalangan masyarakat etnik Cina yang terdidik dalam aliran pendidikan bukan bahasa ibunda Cina, begitu juga kisah perjuangan Lim dalam masyarakat etnik bukan Cina yang terdidik dalam aliran pendidikan Inggeris. Di sepanjang tempoh perjuangan Lim, yang merentasi zaman 50-an hingga zaman 60-an, terdapat pendirian dan pandangan yang berbeza antara Lim dengan kerajaan berkenaan kandungan dalam Penyata

Barnes hingga Penyata Rahman Talib 1960, dan dasar pendidikan yang diimplimentasikan iaitu Akta Pelajaran 1961. Berbekalkan semangat mempertahankan sekolah Cina sebagai kubu pertahanan budaya Cina, Lim dalam hayatnya mempertahankan nasib dan masa hadapan pendidikan bahasa ibunda etnik Cina sehinggakan dirinya dilucutkan hak kewarganegaraan dan tauliah mengajar ditarik balik oleh kerajaan, namun tamparan demi tamparan tidak mematahkan semangat perjuangan Lim. Tuntutan Lim dalam hak pendidikan bahasa ibunda Cina yang adil dan saksama menemui kegagalan kerana kerajaan berhasrat membina sebuah negara bangsa dengan mengangkat bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar pendidikan perlu lebih mengutamakan kepentingan nasional secara keseluruhan. Kepentingan etnik tidak boleh mengatasi kepentingan nasional dalam konteks pendidikan negara. Pendirian kerajaan terhadap sistem pendidikan kebangsaan tidak menjejaskan ketokohan Lim sebagai ‘Jiwa Budaya Cina Malaysia’ dan simbolik perjuangan pendidikan bahasa ibunda menurut kaca mata masyarakat etnik Cina yang terdidik dalam pendidikan bahasa ibunda. Sungguhpun Lim kecundang dalam perjuangannya membela nasib pendidikan bahasa ibunda etnik Cina, namun ‘Semangat Lim Lian Geok’ terus menyemarakkan semangat pejuang pendidikan bahasa ibunda yang muncul selepas zaman Lim. Sudah tiba masanya kerajaan perlu bijak menangani tuntutan badan-badan NGO dan golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda supaya isu tuntutan keadilan dan kesaksamaan pendidikan bahasa ibunda tetap dipertahankan malah menjadi pilihan utama golongan ibu bapa. Pada masa yang sama, kerajaan perlu menunjukkan keikhlasannya menjamin hak pendidikan bahasa ibunda setiap kumpulan etnik dan membenarkan pendidikan vernakular dapat terus berkembang pada takat yang tertentu.

RUJUKAN

- Ching, T. H. 郑庭河. 2015. Wen Hua : Min Zu De Ling Hun —Shi Lun Lin Lian Yu De Wen Hua Guan 文化：民族的灵魂—试论林连玉的文化观(Budaya: Jiwa Bangsa—Huraian Perspektif Budaya Lim Lian Geok) dalam *Lin Lian Yu Yan Jiu Lun Wen Ji* 林连玉研究论文集 (*Collected Essays on Lim Lian Geok*), 141-156. Kajang: Penerbit New Era College, bersama LLG Cultural Development Centre Berhad, The Federation of Alumni Associations of Taiwan Universities.
- Chong, F. H. 庄华兴. 2015. Xian Dai Wen Hua Chuan Tong De Chuang Zao Zhe: Shi Bi Jiao Lin Lian Yu Yu Zhe Ke 现代文化传统的创造者：试比较林连玉与哲峇 (Pencipta Amalan Budaya Moden: Perbandingan antara Lim Lian Geok dengan Pendeta Za’ba) dalam *Lin Lian Yu Yan Jiu Lun Wen Ji* 林连玉研究论文集 (*Collected Essays on Lim Lian Geok*), 221-239. Kajang: Penerbit New Era College, bersama LLG Cultural Development Centre Berhad, The Federation of Alumni Associations of Taiwan Universities.
- Crossman, A. (2019, Julai 1). *Thought Co. The Presentation of Self in Everyday Life*. Retrieved 17-2-2021, from ThoughtCo.: <https://www.thoughtco.com/the-presentation-of-self-in-everyday-life-3026754>
- Goffman, E. 1959. *The Presentation of Self in Everyday Life*. Garden City, N.Y.: Doubleday.
- Ho, K. L. 何启良. 2015. Bai Nian Lian Yu: Lun Ma Lai Xi Ya Hua Ren Zheng Zhi Shi Shang De Lin Lian Yu 百年连玉：论马来西亚华人政治史上的林连玉(Lian Geok Dalam Satu Abad: Pembicaraan Lim Lian Geok dalam Sejarah Politik Bangsa Cina di Malaysia) dalam *Lin Lian Yu Yan Jiu Lun Wen Ji* 林连玉研究论文集 (*Collected Essays on Lim Lian Geok*), 25-62. Kajang: Penerbit New Era College, bersama LLG

- Cultural Development Centre Berhad, The Federation of Alumni Associations of Taiwan Universities.
- Hou, K. C. 何国忠. ed., 2002. *Lin Lian Yu Wei Zu Qun Zhao Hun* 林连玉为族群招魂 (Lim Lian Geok: Rallying Point of Chinese Culture) dalam *Ma Lai Xi Ya Hua Ren Li Shi Yu Ren Wu* 马来西亚华人历史与人物 (*Malaysian Chinese History and Personalities: The Intellectual Elites*), 45-83. Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies.
- Jiao Zong 33 Nian Bian Ji Shi. ed., 教总 33 年编辑室编. 1987. (Bilik Penyuntingan Jiao Zong Sempena Ulang Tahun ke-33). Kuala Lumpur: United Chinese School Teachers' Association.
- Kua, K. S. 1985. *The Chinese School of Malaysia: A Protean Saga*. Kuala Lumpur: United Chinese School Committees Association of Malaysia.
- Kua, K. S. ed., 2010. *Lim Lian Geok: Soul Of The Malaysian Chinese*. Kuala Lumpur: LLG Cultural Development Centre.
- Laura, L. 2005. *Chinese Lessons*. Sinorama Magazine. Vol. 30. No. 6, June 2005:2-3.
- Lee, S. W. 李淑云. 2016. *Lin Lian Yu Sheng Ping Yu Qi Shi Wen Xie Zuo* 林连玉生平与其诗文写作 (*Riwayat dan Sumbangan Lim Lian Geok dalam Penulisan Rencana dan Puisi Klasik Cina*). Unpublished Masters Thesis, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Lim, L. G. 1956. *Persoalan Pembinaan Jiwa: Perutusan Sdr. Lim Lian Geok Sempena Perayaan Hari Raya Aidifitri 1956*. Retrieved 5-6-2021, from LLG Cultural Development Centre: <https://llgcultural.com/11305?lang=en>
- Lin Liang Gong An* 林梁公案. 1988. (Kes Lim Lian Geok lwn Leong Yew Koh). Kuala Lumpur: LLG Cultural Development Centre Berhad.
- Lin Lian Yu Gong Min Quan An*. 林连玉公民权案. 1989. (Kes Kewarganegaraan Lim Lian Geok). Kuala Lumpur: LLG Cultural Development Centre Berhad.
- LLG Cultural Development Centre (2010, Jun 4). *Lin Lian Yu Yu Lu* 林连玉语录 (*Kata-Kata Hikmah Lim Lian Geok*). Retrieved 5-2-2023, from LLG Cultural Development Centre: <https://llgcultural.com/83>
- LLG Cultural Development Centre (2022, Ogos 1). *Anugerah Semangat Lim Lian Geok 2022 (Ke-35) Dibuka Untuk Pencalonan*. Retrieved 5-2-2023, from LLG Cultural Development Centre: <https://llgcultural.com/25038?lang=en>
- LLG Cultural Development Centre (2022). *Lim Lian Geok Spirit Award*. Retrieved 5-2-2023, from LLG Cultural Development Centre: <https://llgcultural.com/lim-lian-geok-spirit-award?lang=en>
- Mak, S. 麦翔. (2016). *Lun Lin Lian Yu De Shi Jie Guan* 论林连玉的世界观 (Tinjauan Pandangan Dunia Lim Lian Geok). dalam *Chinese Education Forum* 华教论坛, Ong, S.K. 王瑞国, Ed., 47-57. Ipoh: Persatuan Pengetahuan Bahasa Tionghua Malaysia.
- Ma'rof Redzuan. 2001. *Psikologi Sosial*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. 2016. *Persepsi Belia Cina Terhadap Politik Melayu*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Phoon, W. K. 潘永杰. 2015. *Lin Lian Yu De Duo Yuan Wen Hua Guo Zu Jian Gou Fang An: Cong Lin Lian Yu Yu Liang Yu Gao De Zheng Zhi Fen Qi Tan Qi* 林连玉的多元文化国族建构方案: 从林连玉与梁宇皋的政治分歧谈起 (Cadangan Pembinaan Bangsa Multi Budaya Lim Lian Geok: Percanggahan Pandangan antara Lim Lian Geok dengan Leong Yew Koh) dalam *Lin Lian Yu Yan Jiu Lun Wen Ji* 林连玉研究论文集 (*Collected Essays on Lim Lian Geok*), 87-99. Kajang: Penerbit New Era College, bersama LLG

- Cultural Development Centre Berhad, The Federation of Alumni Associations of Taiwan Universities.
- Poets.org. (2021, Jun 15). *Poems: Find And Share The Perfect Poems, As You Like It, Act II, Scene VII [All the world's a stage]*. Retrieved 15-6-2021, from Poets.org: <https://poets.org/poem/you-it-act-ii-scene-vii-all-worlds-stage>
- Santhiram, R. 1997. Pendidikan Untuk Golongan Minoriti: Tipologi Dan Isu. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jilid 15: 13-31.
- Tan, L. E. 1997. *The Politics of Chinese Education in Malaya 1945-1961*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tan, L. E. 陈绿漪. 2015. Cong Li Shi De Guan Dian Kan Ma Lai Xi Ya De Hua Wen Jiao Yu Yu Hua Jiao Ren Shi 从历史的观点看马来西亚的华文教育与华教人士 (Pendidikan Bahasa Ibunda Cina dan Golongan Aktivis Pendidikan Bahasa Ibunda dari Perspektif Sejarah) dalam *Lin Lian Yu Yan Jiu Lun Wen Ji* 林连玉研究论文集 (*Collected Essays on Lim Lian Geok*), 3-16. Kajang: Penerbit New Era College, bersama LLG Cultural Development Centre Berhad, The Federation of Alumni Associations of Taiwan Universities.
- Tan, Y. S. 2005. *Politik Dongjiaozong dalam Pendidikan Vernakular Cina di Semenanjung Malaysia (1960-1982)*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Tan, Y. S. 陈耀泉. 2015. Ma Lai Xi Ya Jiao Yu Fa Zhan: Lin Lian Yu Yu A Mi Nu Ding De Jue Se 马来西亚教育发展: 林连玉与阿米努丁的角色 (Educational Development in Malaysia: The Roles of Lim Lian Geok and Aminuddin Baki) dalam *Lin Lian Yu Yan Jiu Lun Wen Ji* 林连玉研究论文集 (*Collected Essays on Lim Lian Geok*), 159-194. Kajang: Penerbit New Era College, bersama LLG Cultural Development Centre Berhad, The Federation of Alumni Associations of Taiwan Universities.
- Tee, B. C. 郑文泉. 2015. Ha Zhi Su Long Yu Lin Lian Yu Dui Tai Ma 、Ma Hua Shao Shu Zu Yi She Hui De Xing Su 哈芝苏龙与林连玉对泰马、马华少数族裔社会的形塑 (Haji Sulong al-Fatani dan Lim Lian Geok Sebagai Peneraju Minoriti Seksionalisme Melayu Thailand dan Minoriti Pluralisme Cina Malaysia) dalam *Lin Lian Yu Yan Jiu Lun Wen Ji* 林连玉研究论文集 (*Collected Essays on Lim Lian Geok*), 195-219. Kajang: Penerbit New Era College, bersama LLG Cultural Development Centre Berhad, The Federation of Alumni Associations of Taiwan Universities.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. 2011. *Apakah kita masih buta?* Retrieved 15-6-2021, from Perak Hari Ini: <https://peraktoday.com.my/2011/05/apakah-kita-masih-buta/>
- Yen, C. H. 2008. *The Chinese in Southeast Asia and Beyond: Socioeconomic and Political Dimensions*. Singapore: World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd.,.
- Zu Hun Lin Lian Yu 族魂林连玉 2001. (*Jiwa Budaya Cina*). Kuala Lumpur: LLG Cultural Development Centre Berhad.